

Jual pelitup muka melebihi harga siling

Pemilik kedai kena kompaun RM20,000

Langkawi: Pemilik sebuah kedai perkakan di Kuah di sini, didenda kompaun RM20,000 selepas didapati menjual pelitup muka pada harga RM1.80 sekeping, melebihi harga siling.

Kesalahan itu dikesan anggota penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Langkawi yang melakukan pemeriksaan khas mematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada jam 4.30 petang kelmarin.

Ketua Pejabat KPDNHEP Langkawi, Abdul Rafar Wahid, berkata sejumlah 2,859 keping pelitup muka tiga lapisan turut dirampas pilhaknya selepas peniaga didapati menjualnya melebihi harga kawalan ditetapkan, iaitu RM1.50.

"Tindakan diambil mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 dan peniaga diberi masa 14 hari untuk membayar kompaun.

"Peniaga diingatkan tidak mengambil kesempatan menaikkan harga jualan barang kawalan bagi tujuan mengaut keuntungan berlebihan, terutama ketika PKPB," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, peniaga juga



Penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Langkawi melakukan pemeriksaan ke premis yang menjual pelitup muka pada harga RM1.80 sekeping, melebihi harga siling.

perlu mematuhi semua peraturan ditetapkan termasuk meletak label, tanda harga, menyelenggara dan memamer senarai harga serta mematuhi harga barang

kawalan berjadual.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau peniaga yang didapati gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

"Pengguna juga diingatkan supaya bijak menggunakan hak dalam berbelanja ketika PKPB bagi mengelak dimanipulasi peniaga," katanya.